



Universiti Malaysia
KELANTAN

BULETIN

TERANGJU

ISSN 1985 - 5451

www.umk.edu.my

BIL 25 OKTOBER - DISEMBER 2014



575

Graduan UMK Terima Ijazah Di Istiadat Konvokesyen ke 4

Muka surat 04



Editorial

Ketua Editor
PROF. MADYA DR. MOKHTARRUDIN BIN AHMAD

Editor
ROS DALILAH BINTI ABD GHANI
TUAN ZULKEPELI BIN TUAN YEH

Wartawan
ENCIK MOHAMAD NAIM BIN IDRIS
SYARIMIE BIN WOSLEY
NOOR ALIZAM BINTI SHAFI'E

Fotografi
MOHD AL AZAM BIN MAT RAZI
AB HALIM HAFIZ BIN AB AZIZ

Pereka
MUHAMAD FARIZ BIN MUHAMMAD ZAIN
FATINAH BINTI ILIAS

Pengurusan UMK

Naib Canselor
Y.BHG. PROF. DATO' DR. MORTAZA BIN MOHAMED

Timbalan Naib Canselor
YBHG. PROF. DR. ROSELINA AHMAD SAUFI
(Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor
YBHG. PROF. ABDUL AZIZ AB.LATIF
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor
YBHG. PROF. DR. MOHAMAD KAMAL HJ. HARUN
(Penyelidikan dan Inovasi)

Pemangku Pendaftar
YBRS. ENCIK PAUZI PAK CHU

Pengarah UMK Kampus Jeli
YBHG. PROF. DATO' DR. IBRAHIM CHE OMAR

Penasihat Undang-Undang
YBHG. PROF. DATUK ABDUL HALIM SIDEK

Ketua Pustakawan
EN. AZMAN HASHIM

Bendahari
EN. MOHD YUSRI AWANG



Editor Bersekutu

Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
PROF. DR. MOHD ROSLI MOHAMAD

Pemangku Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
PROF. ABDUL JAMAL ABD HAMID

Dekan Fakulti Industri Asas Tani
PROF. DR. ABD. HAMID MAR IMAN

Dekan Fakulti Sains Bumi
PROF. DR. RAZAK WAHAB


Dekan Fakulti Perubatan Veterinar
PROF. DR. MOHD. AZAM KHAN GORIMAN KHAN

Dekan Malaysian Graduate School Of Entrepreneurship And Business
PROF. DR. SAZALI ABD. WAHAB

Pengarah Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah
PROF. DR. FAROK ZAKARIA

Dekan Pusat Pengajian Siswazah
PROF. DR. IBRAHIM BUSU

Dekan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
PROF. DR. NIK MAHERAN NIK MUHAMMAD



Diterbitkan Oleh

Pusat Hal Ehwal Korporat
Universiti Malaysia Kelantan
Kampus Kota, Karung Berkunci 36,
Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu,
Kelantan, MALAYSIA

E-mel: korporat@umk.edu.my
Tel: 09-771 7000
Faks: 09-771 7022

www.umk.edu.my
corporate.umk.edu.my



Kandungan

BERITA SEMASA
PENERIMA
ANUGERAH
DIRAJA MAJLIS
KONVOKESYEN
ANUGERAH KIJANG
EMAS BAWA PULANG
RM 10,000

09



BERITA SEMASA
TITAH TUANKU PRO
CANSELOR DI MAJLIS
ISTIADAT KONVOKESYEN

04

BERITA SEMASA
38 GRADUAN
SULUNG FAKULTI
PERUBATAN
VETERINAR TERIMA
IJAZAH

06

BERITA SEMASA
GRADUAN
UMK PERLU
KEPELBAGAIAN ILMU
UNTUK BERSAING

08



BERITA SEMASA
NUCELL 2014
"UMK BERJAYA
RANGKUL 1 EMAS,
3 PERAK DAN 5
GANGSA"

10

BERITA SEMASA
SOKONGAN
KERAJAAN
NEGERI,
LANDSKAP
MALAYSIA DAN
ECERDC UMK

11

BERITA SEMASA
UMK RANGKUL
TEMPAT KETIGA
PERTANDINGAN
DIKIR BARAT MEGA
2014

12

BERITA SEMASA
MAJLIS ANUGERAH
CITRA 2014
DATO' SRI RAJA
REZZA SHAH
DIIKTIRAF IKON
BUDAYA MACIS 2014

13

BERITA SEMASA
PROGRAM TURUN
PADANG BANTU
TENAGA PAKAR AHLI
CENDEKIAWAN DAN
AKADEMIK MAJUKAN
NEGARA

14



**ZOOM
LENSA**

16

BERITA SEMASA
EMPLOYABILITY
BOOT CAMP

18

BERITA SEMASA
TENGGU
TEMENGGONG
KELANTAN
PERKENAN
RASMI PESTA
KONVOKESYEN UMK
2014

19

BERITA SEMASA
PELAJAR UMK
DICABAR BUKA
BISNES APLIKASI
TELEFON MUDAH
ALIH

21



BERITA SEMASA
PAMERAN BATIK SARUNG

20

BERITA SEMASA
INTERNATIONAL
SEMINAR ON
ENTREPRENEURSHIP
AND BUSINESS

22



BERITA SEMASA
BENCANA BANJIR

23

BERITA SEMASA
NASIONAL
PROJEK ANAK
PISANG STRATEGI
SERAMPANG DUA
MATA

24

BERITA SEMASA
22 JUTA GERAN
PENYELIDIKAN
BERIMPAK TINGGI

25

BERITA SEMASA
TUAH TARIAN ZAPIN
GHALIT LE'WARIS RAIH
TEMPAT PERTAMA

26

BERITA SEMASA
MAHASISWA
PERLU JADI AGEN
PERUBAHAN
MASYARAKAT

27

BERITA SEMASA
MAJALAH TERAJU
MENANG TEMPAT
KEDUA HADIAH
SUAR BAHASA DBP

28

BERITA SEMASA
PROF. DR.
ZULKARNAIN
DIRAIKAN
SEMPENA MAJLIS
PERSARAAN
PILIHAN

BERITA SEMASA
SIRI WACANA
SULALATUS
SALATIN

30



BERITA SEMASA
DATO' DR. AWANG
ADEK KONGSI
INSPIRASI
KEJAYAAN
DENGAN UMK

31

UMK PERLU KUASAI AGENDA
PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

TITAH TUANKU PRO CANSELOR DI MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN UMK



KEUSAHAWANAN yang menjadi teras utama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu terus kekal relevan kerana ia adalah selaras dengan ajaran Islam serta diiktiraf di peringkat global sebagai realiti baru yang penuh dengan cabaran dan kejutan.

Tuanku Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia, Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, bertitah, bidang keusahawanan juga adalah suatu aspek penting untuk UMK terus kekal relevan dalam arus pengajian tinggi negara.

Titah baginda, bidang tersebut juga memiliki satu nilai yang tinggi kerana mereka yang memilikinya bagaikan memegang kunci kekayaan dan berpeluang untuk menjadi bangsa yang hebat.

Baginda bertitah, UMK sesungguhnya memikul amanah yang sangat besar untuk melahirkan pelajar yang memiliki jati diri dan nilai-nilai keusahawanan.

“Namun bagaimanakah rupa bentuk usahawan yang ingin dilahirkan? Menjadi usahawan semata-mata belum cukup untuk merealisasikan misi dan visi universiti,” titah Tuanku Pro-Canselor.

Pada majlis itu, Tuanku Pro-Canselor berkenan menyampaikan ijazah kepada 575 graduan yang terdiri daripada 540 Ijazah Sarjana Muda, 34 Ijazah Sarjana dan 1 Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang.

Dalam pada itu, YTM Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra bertitah, dengan berpaksikan pendidikan keusahawanan yang menjadi tunjang utama UMK untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai-nilai kepimpinan yang tinggi dan bersedia untuk berdikari dan mengambil risiko, komunikasi yang baik, jati diri yang tinggi dan nilai spiritual atau rohani yang baik.

Nilai-nilai yang dipupuk dan diasuh dapat memantapkan personaliti graduan usahawan



yang perlu bersaing dalam arena global yang mencabar.

Justeru itu, usaha UMK melahirkan modal insan yang mampu menerokai bidang perniagaan adalah satu impak yang boleh UMK banggakan pada hari ini.

“Pada masa yang sama melahirkan graduan dan modal insan yang mempunyai nilai-nilai keusahawanan yang tinggi seharusnya menjadi keutamaan UMK sebagai sebuah institusi pengajian tinggi,” titah baginda.

Titah Tuanku Pro-Canselor, usahawan yang berkualiti ini memerlukan ekosistem yang kondusif lagi bersepadu yang boleh dihayati bersama oleh seluruh ahli dalam sesuatu organisasi yang saling bekerjasama untuk menyediakan satu persekitaran yang diperlukan

untuk menjana produk dan hasil yang dipersetujui bersama.

“Oleh itu, beta menyeru kepada semua pihak supaya memainkan peranan masing-masing untuk mendidik anak muda kita menjadi usahawan generasi baharu mengikut acuan kita yang tersendiri,” titah baginda.

Tuanku bertitah, sekian lama kita berpegang bahawa universiti dan budaya ilmu tidak dapat dipisahkan kerana tanpa budaya ilmu seolah-olah universiti tidak berfungsi.

Titah baginda, ilmu di pusat pengajian tinggi ditandai dengan wujudnya majlis-majlis ilmu, diskusi ilmiah dan terbuka, penyelidikan berimpak tinggi dan karya-karya penulisan yang berkualiti.



“Berpaksikan pendidikan keusahawanan yang menjadi tunjang utama UMK untuk melahirkan graduan yang mempunyai nilai-nilai kepimpinan yang tinggi dan bersedia untuk berdikari, dan mengambil risiko, komunikasi yang baik, jati diri yang tinggi dan nilai spiritual atau rohani yang baik,”

**TENGGU MAHKOTA KELANTAN,
YANG TERAMAT MULIA, DR.
TENGGU MUHAMMAD FA-IZ
PETRA IBNI SULTAN ISMAIL
PETRA**



“Budaya ilmu juga mengajak seluruh warga universiti agar komited dalam mencari kebenaran ilmu dan berpegang teguh kepadaNya,” titah baginda lagi.

Dalam pada itu, baginda bertitah bahawa budaya ilmu juga berkait rapat dengan gaya dan pola pemikiran yang ingin dilahirkan di UMK kerana budaya berfikir aras tinggi akan menjadikan seluruh warga Universiti aktif berfikir dan bijak bertindak untuk menghasilkan produk yang terbaik.

“Tradisi inilah yang didukung kukuh di universiti-universiti utama di dunia dimana persekitarannya diwarnai dengan budaya ilmu yang berkualiti tinggi,” titah baginda.

Tambah baginda, dalam arus globalisasi dan teknologi yang sangat dinamik, pendekatan terhadap pengajaran keusahawanan dan pengurusan modal insan perlu diubah kerana pengaruh teknologi dalam pengajaran perlu diambilkira.

“Beta amat bangga apabila UMK mengambil keputusan untuk memberikan I-PAD kepada para pelajar baharu untuk pengambilan September sesi 2014/2015. Ini menunjukkan bahawa kaedah pengajian di UMK semestinya berbeza dengan universiti-universiti lain.

“Beta berharap langkah yang dinamik ini dapat menempatkan UMK setanding dengan universiti-universiti terkemuka di dunia dengan harapan para pensyarah turut mengorak langkah positif dalam mengubah paradigma pengajaran dan pembelajaran mereka selari dengan *trend* globalisasi,” titah baginda.

Sementara itu, YTM Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra, turut berpesan kepada graduan bahawa mereka ini adalah permata universiti yang menjadi buruan ramai pihak dan juga sebagai indikator utama dalam mengukur prestasi sebenar pencapaian UMK.

Justeru itu, baginda berharap graduan untuk tidak menghampakan harapan universiti dengan memanfaatkan seluruh ilmu dan pengalaman di universiti untuk memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

“Buktikan kepada mereka bahawa anda adalah generasi baharu graduan yang bercirikan keusahawanan, sentiasa relevan dengan perkembangan nasional dan global, kental bersemangat mengharungi segala badai cabaran di dunia sebenar dan sentiasa proaktif mencipta serta merebut peluang,” titah baginda.



38 GRADUAN SULUNG

FAKULTI PERUBATAN VETERINAR TERIMA IJAZAH DI MAJLIS ISTIADAT KONVOKESYEN UMK

SERAMAI 38 graduan sulung Fakulti Perubatan Veterinar (FPV), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menerima ijazah masing-masing bersempena Majlis Istiadat Konvokesyen UMK Kali Ke-4 yang berlangsung di Dewan, Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, graduan pertama FPV itu adalah sebahagian daripada 575 graduan (540 ijazah sarjana muda, 34 ijazah sarjana dan satu Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang telah berjaya menamatkan pengajian dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, graduan kumpulan pertama graduan FPV itu juga telah mendapat pengiktirafan sebagai doktor perubatan veterinar oleh Majlis Veterinar Malaysia.

“Ini satu pencapaian yang boleh dibanggakan kerana selain cemerlang dalam akademik mereka juga telah diterima sebagai pengamal perubatan veterinar dengan mendapat pengiktirafan daripada badan tersebut,” katanya.

YTM Dr. Tengku Mohd Fa-iz Petra juga menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Keusahawanan) kepada Pengerusi Eksekutif Nadicorp Holdings Berhad yang juga anggota senat Industri UMK iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh dan mantan Pengarah Urusan Malaysia Airlines (MAS), YBhg. Tan Sri Abdul Aziz bin Abdul Rahman, manakala Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Doktor Perubatan Veterinar) dianugerahkan kepada YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaludin bin Syed Salim.

Sementara itu, Tuanku Pro-Canselor UMK, turut berkenan menyampaikan anugerah kecemerlangan universiti kepada penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Anugerah Canselor dan Anugerah Naib Canselor. Selain itu, baginda turut menganugerahkan Anugerah Keusahawanan (Kelompok Sosial), Anugerah Keusahawanan (Kelompok Komersial), Anugerah Alumni, Anugerah Dekan dan Hadiah Akademik.



Pro-Canselor UMK, Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra telah berkenan mencemar duli bagi menyempurnakan majlis istiadat konvokesyen UMK yang berlangsung selama dua hari bermula pada 29 dan 30 November 2014.

Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, pada majlis konvokesyen kali ke-4 ini turut mencatat beberapa sejarah tersendiri bagi UMK apabila jumlah 575 orang graduan ini adalah merupakan kumpulan perintis terakhir yang mengharungi perjalanan kehidupan sebagai pelajar di Kampus Sementara Taman Bendahara sebelum berpindah ke Bachok dan Jeli.

Kata beliau, sebahagian mereka ini adalah mereka yang terdiri dari mereka yang telah sama-sama mengharungi perjalanan awal UMK yang penuh liku dan cabaran. Mulai tahun hadapan UMK akan mula mengeluarkan graduan yang disegmenkan khusus di tiga kampus iaitu Kampus Kota, Bachok dan Jeli.

“Jumlahnya melibatkan lebih 1,500 orang dan mungkin UMK perlu mengadakan Istiadat Konvokesyen yang lebih panjang,” jelas beliau.

Beliau berkata, buat pertama kali juga UMK telah berjaya mengeluarkan seramai 17 graduan sulung bagi Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) daripada jumlah pelajar berdaftar untuk program itu yang kini mencecah lebih 400 orang dibawah kendalian Malaysia Graduate School of Entrepreneurship and Business.

Malaysian Qualification Agency atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah berjalan rancak sehingga kesemua mendapat akreditasi dalam tempoh yang ditetapkan.

Tambah beliau, dalam konteks pendidikan tinggi negara, kita perlu berusaha untuk mendapatkan tenaga akademik lebih berdaya saing untuk kita bersaing dengan 20 IPTA, 500 kolej swasta, 32 politeknik dan 92 kolej komuniti.






GRADUAN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bukan sahaja perlu bersifat modal insan semata-mata untuk memenuhi keperluan industri, bahkan perlu memiliki keupayaan dan kebolehan untuk membantu negara menghadapi persaingan dan menyumbang kepada penyelesaian cabaran-cabaran akan datang.

Ahli Senat (Industri), YBhg. Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Nadzmi bin Mohd Salleh, berkata, untuk tujuan tersebut pelajar perlu dilengkapi dengan ciri-ciri yang disimpulkan melalui 5C iaitu *Critical Thinking and Problem Solving* (pemikiran kritikal dan keupayaan menyelesaikan masalah).

“Didalam konteks ini, usaha dan tindakan wajar patut diambil dalam mencorakkan halatuju pengajian tinggi menjadi lebih bersifat antarabangsa, lebih terbuka, fleksibel dan bercirikan hubungan jaringan globalisasi yang berasaskan kepada kolaborasi dan komplementari disamping penggunaan teknologi terkini secara intensif dan meluas,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau mahu universiti mengambil peluang yang sedia ada dari persekitaran tempatan yang unik dan tidak didapati di tempat lain.



GRADUAN UMK PERLU KEPELBAGAIAN ILMU UNTUK BERSAING

Beliau berkata, pelajar juga perlu mempunyai *Effective Communication Skills* (keberkesanan berkomunikasi), *Collaboration and Team Building* (boleh bekerjasama dan kerja dalam satu pasukan dan bersifat *Creative and Innovative* (kreatif dan inovatif).

“Dan, akhir sekali pelajar perlu ada sikap *Culturally Literate* atau celik budaya untuk bergerak dalam dunia yang kepelbagaian. Dengan kelima-lima ciri tersebut tentu lebih berupaya untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran global,” katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan balas bagi mewakili penerima-penerima Anugerah Ijazah Kehormat UMK, sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Ke-4 UMK, di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 29 November 2014.

Menurut Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Nadzmi, universiti juga perlu memainkan peranannya yang tradisional dengan lebih efektif lagi iaitu meningkatkan penyelidikan dan pembangunan supaya merangkumi aspek dan rangka kerja yang lebih meluas untuk melahirkan modal insan terutamanya dikalangan para akademik yang berkualiti.

Antaranya ialah aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan kepada keunikan ini berupaya menghasilkan *competitive advantage* kepada universiti ini dan menjadikannya sebagai tempat rujukan untuk bidang-bidang tertentu.

Ini dapat memberi suntikan kepada kegiatan ekonomi masyarakat setempat, selain berupaya memberi lonjakan kepada industri tersebut ke peringkat yang lebih tinggi secara berterusan seperti amalan Kaizen yang terbukti memberi kuasa kompetitif kepada syarikat-syarikat Jepun.

“Di dalam abad ini, landskap pendidikan tinggi di seluruh dunia telah mengalami perubahan yang besar. Maka, peranan institusi pengajian tinggi perlu berganjak dari mentaliti isolasi menara gading dan eksklusif kepada peranan yang lebih holistik dan bersifat keterangkuman (*inclusiveness*) dan pemanfaatan kepakaran institusi pengajian tinggi kepada masyarakat setempat dan negara,” jelas beliau.

Pada ucapan itu, Tan Sri Dato' Sri Dr. Mohd Nadzmi mengucapkan terima kasih dan syukur kepada Allah SWT di atas penganugerahan Ijazah Doktor Kehormat kepada beliau dan dua lagi penerima iaitu YBhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan) dan YBhg. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Syed Jalaludin bin Syed Salim (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Doktor Perubatan Veterinar).



Penerima Anugerah Diraja Majlis Konvokesyen UMK Menang **ANUGERAH KIJANG EMAS**



Keputusan cemerlang tersebut merupakan hadiah kepada kedua ibu bapanya yang sentiasa mendoakan kejayaannya untuk cemerlang dalam pelajaran.

Keputusan beliau memilih program Perubatan Doktor Veterinar ialah bermula selepas kematian seekor anab kesayangannya yang mati selepas diberi makan coklat. Dr. Nur Hazlizan berkata, sejak itu beliau tanam pada cita-citanya untuk menjadi seorang doktor

perubatan veterinar untuk mendalami ilmu perubatan veterinar bagi mengkaji punca sebenar kematian anabnya.

“Selepas mengikuti pengajian barulah saya dapat tahu coklat adalah makanan yang berbahaya dan menjadi racun kepada anab,” katanya. Beliau yang turut mendapat jolokan ‘Lady Gagah’ kerana keberaniannya dalam mengendalikan haiwan ketika membuat kerja-kerja penyelidikan dan kajian ketika di lapangan.

PENERIMA Anugerah Pelajaran Diraja di Majlis Istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kali Ke 4, telah dinobatkan sebagai pelajar Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) pertama memenangi anugerah Kijang Emas termasuk tiga lagi anugerah khas yang membolehkan beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak RM10,000.00.

Dr. Nur Hazlizan binti Sulaiman yang bukan sahaja memperoleh Purata Nilai Gred Keseluruhan (CGPA) 3.76, malah turut memperolehi pelbagai anugerah khas sempena Majlis Penganugerahan Akademik Graduan Kedokteran Perubatan Veterinar dan Makan malam Fraternity yang berlangsung di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan, pada 29 November 2014.

Pada majlis itu, beliau memperolehi anugerah Best in Ruminant Production Medicine dengan hadiah wang tunai RM2,000.00, anugerah Best in Non-Ruminant Production Medicine dan wang tunai RM1,500.00 dan anugerah Best in Preclinical Sciences (RM1,500.00).

Mengulas kejayaan beliau itu, Dr. Nur Hazlizan berkata, sememangnya seorang yang sentiasa melekat dengan buku tidak kira apa jenis buku bacaan kerana beliau amat cintakan ilmu dan

pengetahuan. Sementara itu, Prof. Emiretus Tan Sri Syed Jalaludin Syed Salim berkata, graduan kedokteran perubatan veterinar UMK haruslah berdaya saing dalam dunia pekerjaan sebenar kerana banyak cabaran yang menanti dan mengucapkan tahniah kepada semua graduan UMK.

Beliau berkata, pihak universiti akan terus menyokong dan melakukan inovasi dalam pembelajaran di fakulti dan berharap dapat terus memberi inspirasi kepada pelajar-pelajar dengan keghairahan untuk belajar, membentuk pemikiran kritis, kemahiran dan kreativiti untuk menjadi keusahawanan dan menambah nilai kepada kehidupan.

Anugerah ini diberikan kepada pelajar yang telah mencapai keputusan cemerlang dalam program doktor perubatan veterinar dan yang menjadi teladan dalam kemahiran sosial mereka selama lima tahun menjalani kehidupan di kampus,” kata Prof. Dr. Mohd Azam Khan.

Bagi anugerah, Best in Clinical Sciences, anugerah ini telah dimenangi oleh Mohd Farhan Hanif Bin Reduan dan mendapat wang tunai sebanyak RM1500.00. Untuk kategori Best Final Year Project, anugerah ini dimenangi oleh Nur Asma Bt Mohamad Munshi dan mendapat wang tunai sebanyak RM2000.00.

Manakala kategori Best in Avian Medicine, dimenangi oleh Chia Kim Sing dan mendapat wang tunai sebanyak RM2000.00 manakala kategori Best in Surgery, di menangi oleh Mohd Farhan Hanif Bin Reduan dan mendapat wang tunai sebanyak RM2000.00.

Sementara itu, kategori Leadership Award, diraih oleh Siti Sakinah Chu Binti Rizal Chu dan mendapat wang tunai sebanyak RM2500.00, kategori Best in Entrepreneurship Attributes, di menangi oleh Nur Atiqah Binti Mohd Radhi dan mendapat wang tunai sebanyak RM3000.00.





SISTEM Aplikasi e-Book: Fundamental in Physics yang dibangunkan oleh pensyarah Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) dan Fakulti Sains Bumi (FSB), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merangkul anugerah emas pada pertandingan Invention, Innovation and Design (IIDEL) di Karnival E-Learning Universiti Peringkat Kebangsaan (NUCEL) 2014.

Pensyarah Jabatan Siberologi, FTKW, En. Mohammad Syukuran Bin Kamal Ruzzaman berkata, aplikasi ini dicipta sebagai alat atau bahan bantuan mengajar dalam usaha meningkatkan lagi pemahaman subjek fizik dalam pembelajaran dan pengajaran di kalangan pelajar dan pensyarah.

Beliau berkata, idea menghasilkan aplikasi ini timbul hasil daripada perbincangan dengan tiga lagi pensyarah UMK iaitu En. Mohd Hafiz Faizal bin Mohamad Kamil (FTKW), Dr. Mohd Najmi bin Masri (FSB) dan Puan Asanah binti Radhi (FSB).

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian dan penyampaian Anugerah E-Learning NUCeL 2014, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), Shah Alam, Selangor, pada 15 November 2014.

Karnival E-learning NUCeL 2014 anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi serta E-Learning IPTA Malaysia (MEIPTA) adalah sebagai platform mempromosikan aplikasi *e-learning* dan *Praktis Blended Learning* yang telah disertai oleh IPTA dan IPTS seluruh Malaysia.

Pada NUCeL 2014, UMK juga turut merangkul pingat perak melalui tiga aplikasi ciptaan oleh pensyarah dan pelajar daripada Fakulti Sains Bumi (FSB) iaitu program aplikasi iMath, aplikasi iBooks yang bertajuk *As a medium in process of learning among students and lectures* dan aplikasi e-Book : *Physics Laboratory Handbook*.

Selain itu, UMK berjaya memenangi lima gangsa dengan tiga pingat disumbangkan menerusi projek ciptaan pasukan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP) iaitu *Paperless Handsout*, *iCoach : A tool for striking work life balance e-Book* dan *Prezi*.

Manakala dua gangsa lagi disumbangkan oleh pasukan Fakulti Sains Bumi menerusi projek kreatif mereka iaitu *paper to paperless dan human and science*.

Sementara itu, Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran UMK, YBhg. Prof. Madya Dr. Suria binti Baba, berkata, pasukan UMK telah menghantar sembilan penyertaan di karnival pada NUCeL 2014 dan telah merangkul satu pingat emas, tiga perak dan lima gangsa.

“Melalui idea-idea membangunkan aplikasi dan ciptaan ini dapat memberi manfaat dan impak positif kepada masyarakat khususnya kepada pelajar dan tenaga pengajar melalui idea inovasi dan produk berteknologi terkini yang merangkumi inovasi material multimedia, apps, program computer, sistem dan lain-lain.

NUCEL 2014

“UMK BERJAYA RANGKUL 1 EMAS, 3 PERAK DAN 5 GANGSA”



“Dua aspek penting yang diterapkan di dalam aplikasi yang boleh dimuat turun dalam *i-Books Store* bermula Januari 2015 itu merangkumi pengetahuan konseptual (**Conceptual Knowledge**) iaitu pengetahuan teori dan melalui pengalaman (**Experiential Learning**) iaitu pembelajaran melalui pengalaman,” katanya.



Usaha UMK Melestarikan Pembangunan Tanah Tinggi Lojing Terima **Sokongan Kerajaan Negeri, Landskap Malaysia & ECERDC UMK**



Perjanjian Persefahaman (MoU) antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Kerajaan Negeri Kelantan, Tropical Rainforest Conservation & Research Centre (TRCRC) Bhd dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), membuka satu lagi dimensi baharu dalam usaha melestarikan pembangunan di Tanah Tinggi Lojing, Gua Musang, Kelantan.

Kerjasama itu turut menyaksikan Tanah Tinggi Lojing bakal menjadi destinasi eko pelancongan terbesar di negeri ini selepas permohonan UMK untuk mengazetkan kawasan Lojing sebagai Kawasan Pemuliharaan Rafflesia telah diluluskan oleh kerajaan negeri Kelantan pada tahun 2010.

Usaha itu menjadi perintis kepada kerjasama MoU yang berlangsung dalam suasana simbolik dan bersejarah sebaik sahaja ditandatangani oleh Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose dan Timbalan Menteri Besar, YB. Dato' Hj. Mohd Amar bin Nik Abdullah, wakil kerajaan negeri Kelantan manakala TRCR diwakili oleh YAB, Tun Jeanne Abdullah dan ECERDC diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Jebasingam Issace John.

Turut hadir Penaung Landskap Malaysia, YAB. Tun Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi, Ahli Lembaga Pengarah UMK, YBhg. Dato' Dr. Halim bin Hamat, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun dan Pengarah UMK Kampus Jeli, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar.

Pengerusi Landskap Malaysia, YAB Tun Jeanne Abdullah, berkata, kerjasama itu amat penting terutamanya dalam melindungi Bunga Rafflesia di tanah tinggi Lojing yang sangat berpotensi untuk dipromosikan sebagai tarikan pelancong di peringkat antarabangsa untuk berkunjung ke negeri Kelantan.

Beliau berkata, kawasan seluas lebih 400 hektar itu bukan sahaja dapat melindungi bunga pakma

yang boleh dijadikan tarikan pelancongan daripada kemusnahan malah daripada keseluruhan hidupan flora dan fauna yang terdapat di tanah tinggi tersebut.

“Kerjasama ini bukan sahaja untuk penjagaan rafflesia tetapi Lojing boleh dikenali kawasan tanah tinggi yang sesuai sebagai destinasi eko pelancongan dengan keindahan hutan yang masih belum terusik,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis menandatangani MoU tersebut di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan, pada 17 November 2014.

Kerjasama itu juga usaha bersama dalam visi Integrated Environmental Management Plan (IEMP) bagi pembangunan fizikal, pemuliharaan sumber dalam memenuhi keperluan sosial dan ekonomi bagi kawasan yang telah digazetkan.

Melalui IEMP itu, kerjasama ini turut merangkumi perlindungan dan pemeliharaan kualiti kehidupan di Tanah Tinggi Lojing untuk 20 tahun yang akan datang dengan pelaksanaan yang sewajarnya.

Jelas beliau, Kelantan mempunyai jumlah keluasan hutan yang luas namun sebahagian kecil sahaja yang digazetkan sebagai kawasan perlindungan sepenuhnya.

“Melalui kerjasama itu, pelbagai manfaat boleh diperolehi melalui pemuliharaan kawasan hutan sama ada secara langsung atau tidak langsung.



Pertandingan Dikir Barat Mega 2014

Sri Kayangan Sukma membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000, piala dan sijil serta berjaya meraih hadiah khas iaitu Busana Terbaik.

KUMPULAN Sri Kayangan Sukma, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) merangkul tempat ketiga Pertandingan Akhir Dikir Barat Mega 2014, anjuran UMK dengan kerjasama Badan-Badan Berkanun Malaysia, yang berlangsung di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, pada 29 November 2014.

Dalam pertandingan itu, kumpulan Sri Kayangan Sukma membawa pulang wang tunai sebanyak RM1,000, piala dan sijil serta berjaya meraih hadiah khas iaitu Busana Terbaik.

Johan bagi pertandingan akhir itu dimenangi oleh Kumpulan Sri Hulubalang Hasil, pasukan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), yang membawa pulang hadiah berupa wang tunai RM3,000 berserta piala, hamper dan sijil pertandingan.

Kumpulan Sri Hulubalang Hasil turut memenangi hadiah persembahan terbaik dan Tok Jogho Terbaik. Manakala tempat ketiga diraih oleh Kumpulan Suara.

Kesedar (KESEDAR) yang turut membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2,000, piala, hamper dan sijil penyertaan serta hadiah Tukang Karut Terbaik.

Pertandingan Dikir Barat Mega adalah kali kedua dianjurkan oleh Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia yang bertemakan 1Malaysia dan GST telah disertai oleh 10 kumpulan yang terdiri daripada Badan-badan Berkanun seluruh Malaysia.

Hadiah-hadiah pertandingan telah disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar), LHDN, YBhg. Dato' Abd. Aziz bin Hashim yang mewakili Ketua Pegawai Eksekutif LHDN dan selaku Yang Dipertua Badan-badan Berkanun Malaysia, YBhg. Tan Sri Kolonel (K) Datuk Wira Dr. Mohd Shukor bin Hj. Maftar.

Menurut Dato' Abdul Aziz, pemilihan seni dikir barat untuk dipertandingkan oleh Persatuan Badan-badan Berkanun Malaysia adalah untuk turut bersama memartabatkan seni warisan dan budaya negara melalui pertandingan sebegini.

Beliau berkata, dalam konteks warisan negara, dikir barat digolongkan di bawah warisan tidak ketara sama seperti permainan tradisi, pertahanan diri, bahasa persuratan, kraf dan lain-lain.

"Selain dapat mencungkil bakat seni dikir barat yang bermutu tinggi, melalui dikir barat juga mesej mampu disampaikan dengan cara langsung, spontan dan mudah.

"Ciri-ciri ini amat penting dalam usaha membina masyarakat dan negara, kerana pada masa kini, hanya melalui

komunikasi sesuatu maklumat dapat disebarkan dengan berkesan dan difahami oleh rakyat," katanya.

Tambah beliau, dikir barat juga mempunyai peminatnya tersendiri terutamanya di kalangan para belia dan berharap usaha memartabatkan seni dikir barat dapat menggalakkan penyertaan golongan muda dalam aktiviti yang berfaedah.

Dalam cabaran sosio-politik, setiap pihak termasuklah kita yang berada di dalam dewan ini perlulah memainkan peranan secara bersama bagi memastikan seni budaya warisan negara ini terus mekar mewarnai persada tanah air kita.



Majlis ANUGERAH CITRA 2014

PENGGIAT seni dan budaya tersohor, YM. Dato' Sri Raja Rezza Shah atau lebih mesra dengan nama Shah Rezza menerima anugerah Citra Ikon Budaya di Majlis Anugerah Citra Seni (MACIS) 2014.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Tengku Temenggong Kelantan, YBM Datuk Tengku Mohamad Rizam bin Dato' Tengku Abdul Aziz, pada satu majlis yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK), di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 7 November 2014.

"Anugerah ini juga bagi menyemarakkan lagi aktiviti kesenian dan kebudayaan di kalangan pelajar yang boleh memberi impak positif dan meningkatkan kemahiran soft skill kepada graduan UMK."



Turut berangkat, YBM Dato' Tengku Rozan Ibni Al Marhum Sultan Yahya Petra. Hadir sama, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abdul Aziz bin Ab Latif serta Pengarah UMK Kampus Jeli, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar.

Penerima Anugerah Citra Ikon Budaya MACIS 2014, YM Dato' Sri Rezza Shah adalah antara ikon kesenian dan kebudayaan yang begitu aktif dalam mempertahankan dan memartabatkan seni budaya di negara ini khususnya di negeri kelahiran asalnya di Perak Darul Ridzuan dan negeri Cik Siti Wan Kembang.

Beliau mula terkenal apabila berlakon dalam filem Ali Setan (1986), Marah-Marah Sayang (1987), Hati Bukan Kristal (1990), Yang Disayangi (1992) dan Pontianak Harum Sundal Malam (2004).

Seterusnya, beliau berjaya menempa nama di peringkat antarabangsa dengan bertindak selaku Pengerusi dan Pengasas Festival Fesyen Islam (IFF), yang dianjurkan di Malaysia, Indonesia dan Dubai.

Mengulas kejayaan itu, YM Dato' Sri Raja Rezza Shah, menyifatkan anugerah ini amat istimewa dan mengagapkannya pengiktirafan yang amat dekat dalam dirinya khusus dalam usaha untuk meningkatkan martabat seni dan warisan budaya.

Malah, dengan kejayaan itu membuka ruang baharu antara beliau dan UMK menjalinkan kerjasama baik khususnya dalam memberi kemudahan sokongan untuk menerbitkan filem-filem warisan sejarah khususnya berkaitan dengan negeri Kelantan seperti Lagenda Puteri Saadong dan Cik Siti Wan Kembang.

Menurut YM Dato' Sri Raja Rezza Shah, penganjuran anugerah MACIS merupakan satu langkah realistik yang diambil oleh UMK dalam mengiktiraf pelajar-pelajarnya yang cemerlang dalam bidang ko-kurikulum.

"Saya amat teruja dengan persembahan bertenaga oleh penuntut-penuntut UMK

**Dato' Sri Raja Rezza Shah
Diiktiraf Ikon Budaya Macis
2014**



khususnya dalam menyediakan ruang untuk mereka berkarya dengan suasana persekitaran UMK yang serius memartabatkan warisan budaya negeri ini," katanya.

Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Raduan, berkata, UMK memiliki kemampuan yang sangat tinggi untuk mengeluarkan graduan-graduan yang bukan sahaja cemerlang dalam pencapaian akademik tetapi juga dalam bidang ko-kurikulum disamping mempunyai kemahiran sahsiah diri.

Selain itu, program ini memberi nilai tambah kepada pencapaian pelajar dalam proses untuk menjadikan mereka graduan yang berkebolehan dan berketrampilan.

"Saya percaya, anugerah MACIS akan datang perlu melibatkan penyertaan lebih ramai di kalangan pelajar-pelajar UMK yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malahan dalam bidang kokurikulum lain seperti sukan, keusahawanan dan sebagainya," katanya.

Dekan Hal Ehwal Pelajar, YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, berkata, program ini membuktikan bahawa kunci kejayaan pelajar yang cemerlang ialah bukan sahaja cemerlang akademik semata-mata tetapi turut berjaya dalam bidang kokurikulum.

ormative * Entrepreneurial * alliant

Temenggong Kelantan
Universiti Malaysia Kelantan



PROGRAM TURUN PADANG BANTU TENAGA PAKAR AHLI CENDEKIAWAN DAN AKADEMIK MAJUKAN NEGARA

MPN ialah platform khususnya kepada cendekiawan negara yang mempunyai bakat dalam pelbagai kepakaran ilmu yang boleh berperanan secara strategik membantu kerajaan membangunkan negara khususnya dalam matlamat menuju negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya.



Majlis Profesor Negara (MPN) sentiasa memainkan peranan penting dalam menggembeng kepakaran serta tenaga kumpulan profesornya dan para akademik dengan menganjurkan pelbagai program terancang dan berstrategik untuk dimanfaatkan oleh masyarakat dan pembangunan negara.

Naib Canselor UMK merangkap Setiausaha Agung MPN, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, sumbangan kepakaran dari kalangan profesor perlu dimanfaatkan untuk menjadikan negara ini bukan hanya cemerlang dalam sektor ekonomi malah keupayaan dalam pelbagai kemahiran dan berilmu.

Beliau berkata, penubuhan MPN pada 1 April 2010 dengan keahlian awalnya 1,426 adalah bertujuan untuk mengumpul dan memudahkan pihak kerajaan menggembeng kepakaran akademik dan profesional para professor bagi tujuan untuk membantu program pembangunan dan kemajuan negara.

Secara jelas, MPN ialah platform khususnya kepada cendekiawan negara yang mempunyai bakat dalam pelbagai kepakaran ilmu yang boleh berperanan secara





Pada majlis itu, turut diadakan satu forum bertajuk Memperkasakan Peranan Ilmuwan Kepada Masyarakat yang dibarisi oleh tiga ahli panel iaitu Ketua Kluster Pertanian dan Makanan MPN, YBhg. Prof. Dr. Ghizan Saleh, Ketua Kluster Kejuruteraan, Teknologi dan Alam Bina MPN, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Darus dan Pengarah Pembangunan Hospital Universiti Sultan Zainal Abidin merangkap Timbalan Kluster Perubatan dan Sains Kesihatan MPN, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ahmad Zubaidi bin A. Latif. Menurut Prof. Datuk Dr. Raduan, setiap ahli MPN perlu memartabatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran pendidikan yang menjangkau latar belakang masing-masing supaya dapat membangunkan negara ini dengan lebih baik.

Katanya, sebaiknya ahli akademik tidak hanya boleh duduk diam di dalam kampus sahaja tetapi sewajarnya turun padang dan bersama rakyat untuk menyumbangkan segala ilmu pengetahuan, ilmu baharu dan skop tertentu untuk membantu Negara.

Beliau menegaskan MPN, gabungan kepakaran profesor dari seluruh institusi pengajian tinggi berperanan membantu kerajaan dengan menyumbangkan input dalam pelbagai bidang khususnya untuk memperkukuhkan asas pengubalan dasar negara.

“Peranan tenaga akademik di IPTA dan IPTS tidak boleh dibazirkan kerana masyarakat sangat memerlukan sokongan daripada mereka untuk membantu kerajaan membangunkan Negara,” jelasnya.

Tambah beliau, dengan jumlah ahli MPN yang ketika ini yang mencecah 2,200 orang di seluruh negara sentiasa membuka peluang kepada ahli akademik serta cendekiawan untuk sama-sama turun padang.

“Program turun padang seperti ini diatitkan untuk membuat perbincangan secara berkala sesama mereka yang boleh memberi satu peluang untuk mereka memberi sumbangan secara lebih berkesan lagi kepada masyarakat dan ahli akademik lain.

“Saya percaya jika ini dilakukan dengan ikhlas dan serius negara ini dapat dibangunkan dengan lebih cepat melalui hasrat murni kita dapat menggerakkan ahli MPN seramai 2,260 dan dibantu oleh kekuatan 32,000 ahli akademik daripada IPTA dan 25,000 daripada swasta untuk menterjemahkan program dan aktiviti strategik untuk membangunkan negara,” jelas beliau.



strategik membantu kerajaan membangunkan negara khususnya dalam matlamat menuju negara maju pada tahun 2020 dan seterusnya.

“Justeru itu, beliau berharap ahli akademik daripada institusi pengajian tinggi awam dapat memberi sumbangan dengan menyertai pelbagai program anjuran MPN sama ada dijemput sebagai pakar rujuk, perunding atau ahli penyelidik bagi projek tertentu,” jelas beliau.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan perasmian Majlis Profesor

Negara Turun Padang Pantai Timur 2014 anjuran MPN Chapter Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Kluster Pertanian dan Makanan di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 19 Oktober 2014.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abdul Aziz bin Ab. Latif, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Prof. Dr. Mohd. Kamal bin Hj. Harun, dan Pengerusi MPN Chapter UMK, YBhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar.





11
November
2014

YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar terima anugerah Darjah Kebesaran Setia Mahkota Yang Teramat Terbilang (D.P.S.K) yang membawa gelaran Dato' sempena Hari Keputeraan Sultan Muhammad.



Program Munajat Perdana UMK Sempena PESKO 2014

23
November
2014





Hi-Tea UMK International Staffs and Students
With Vice Chancellor

11

Disember
2014



Disember
2014

16

Lawatan Kerja Pusat Hal Ehwal Korporat



Employability Boot Camp

SERAMAI 150 penuntut dari Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Kelantan kampus Bandar, Politeknik Kota Bharu dan Kolej Teknologi Darulnaim menyertai Program *Employability Boot Camp* siri 11 di Resort dan Pusat Latihan Putera Valley di sini.

Program selama tiga hari yang berakhir semalam itu diadakan bagi memberi pendedahan dan persediaan kepada mahasiswa tahun akhir sebelum memasuki dunia pekerjaan.

Peserta yang ditemui mengakui tidak membuat sebarang persediaan untuk memasuki alam pekerjaan termasuk aspek menulis *'resume'*, keperluan untuk ditemuduga serta penampilan diri.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMK, YBhg. Prof. Abdul Aziz bin Ab. Latif berkata, program ini memberikan banyak ilmu yang amat berguna sebagai persiapan untuk memasuki alam pekerjaan terutamanya bagaimana cara untuk menulis *'resume'* dengan lebih baik serta persediaan untuk ditemuduga.

Beliau berkata, program tersebut juga memberi pendedahan kepada mereka untuk memilih hala tuju selepas menamatkan pengajian sebaik sahaja menamatkan pengajian nanti.

"Perancangan ini adalah hasil daripada pendedahan yang diberikan selama tiga hari dalam program ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan majlis penutup program tersebut di Resort dan Pusat Latihan Putera Valley, Tanah Merah, Kelantan, pada 10 Januari 2014.

Program yang julung kali diadakan itu adalah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama UMK, telah disertai 150 mahasiswa dan ahli akademik dan industri untuk membimbing para peserta dengan menguji keupayaan mereka untuk berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris dengan berkesan, kemahiran memburu kerja, temuduga yang betul dan kaedah penulisan *resume* yang betul.

Menurut Prof. Abdul Aziz, program The Employability Boot Camp ini juga menyediakan latihan bagi melengkapkan pengetahuan dan kemahiran graduan mengikut keperluan majikan.

Katanya, setiap modul latihan yang disediakan adalah dinamik dan fleksibel mengikut keperluan majikan yang terpilih dan mempunyai reputasi yang baik daripada rakan-rakan industri.

Dalam pada itu, penuntut bidang pengurusan perniagaan Politeknik Kota Bharu, Ahmad Nasaruddin Mat Zaid, 21, berkata, program itu memberikan keyakinan kepadanya untuk memikat hati majikan ketika ditemuduga nanti.

Tambahnya, tip-tip yang diberikan oleh penceramah amat bernilai dan tidak diketahui oleh kebanyakan penuntut sebelum ini.

"Sebagai contoh, lazimnya seorang calon hanya mengulangkaji mengenai perkara yang berkaitan jawatan yang ditemuduga tanpa memikirkan aspek lain.

"Tetapi kali ini, kami diberikan pendedahan mengenai semua aspek, cara berpakaian, cara duduk dan bercakap dengan penemuduga, hal seperti ini lazimnya tidak dititik beratkan kerana ia nampak remeh tetapi sebenarnya diberi penilaian yang tinggi oleh majikan," katanya.





Kijang dipilih sebagai simbolik kepada binatang yang menjadi lambang kepada Negeri Kelantan yang sememangnya popular kerana sifatnya yang mewakili karakter generasi Y yang pro-aktif, berwawasan, berpandangan jauh dan bersemangat.

Tengku Temenggong Kelantan Perkenan Rasmi Pesta Konvokesyen UMK 2014



PESTA Konvokesyen (Pesko 2014) sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Ke-4 Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah paling besar dan buat julung kalinya diadakan di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan Che Rose, sebanyak 40 gerai pameran dan jualan dibuka di perkarangan kampus dan pelbagai aktiviti diadakan dengan kesemua gerai dikendalikan mahasiswa.

Beliau berkata, memandangkan Pesko 2014 di UMK Kampus Kota menggunakan konsep 'kampus terbuka', orang ramai dibenarkan masuk dan meninjau suasana dalam kampus termasuk mengunjungi bilik kuliah, perpustakaan dan prasarana lain.

"Pesta konvokesyen tahun ini adalah yang terbesar pernah diadakan UMK dengan lebih

44 gerai jualan dan pameran selain pelbagai aktiviti menarik termasuk pertandingan dikir barat badan berkanun peringkat kebangsaan.

"Antara aktiviti lain seperti seminar keusahawanan, sukan rakyat, forum, pertunjukan motosikal besar, program bersama juara Masterchef Selebriti dan Maharaja Lawak Mega Siswa bersama artis, Sofie Jikan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian Pesko 2014 yang disempurnakan Tengku Temenggong Kelantan, YBM Datuk Tengku Mohammad Rizam Tengku Abdul Aziz.

Turut hadir, Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob; Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah UMK, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman dan Timbalan Naib Canselor UMK (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pesko 2014, Prof. Abdul Aziz Ab. Latif.

Sebelum itu, maskot Kijang yang diberi nama ATAN menjadi daya tarikan utama pada Pesta Konvokesyen 2014 (PESKO'14), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), yang diadakan di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, bermula 27 hingga 30 November 2014.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abdul Aziz bin Abd. Latif, berkata, pemilihan maskot yang diberi nama Atan ini bagi menunjukkan bahawa mahasiswa-mahasiswi bercita-cita tinggi dalam menggerak evolusi sejagat.

PESKO'14 kali ini iaitu Mahasiswa Penggerak Evolusi Sejagat" yang bermaksud mahasiswa/i adalah agen kepada perubahan kepada manusia sejagat yang sedar serta memahami keperluan dan kehendak masyarakat.

PAMERAN *Batik* SARUNG

Batik sarung berpotensi untuk menjana ekonomi kerana menjadi salah satu industri tekstil yang boleh dikembangkan kerana lazimnya masyarakat hanya membeli kain batik kemudian di hantar kepada kedai untuk dibuat baju.

“Kegunaan batik sarung sangat meluas dan kita boleh bangunkan batik ini sebagai model trendy atau interior product dan formal produk melalui sentuhan pereka untuk pasaran produk antarabangsa.”



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) berusaha mempelbagaikan produk inovatif berasaskan kain batik sarung yang boleh dikomersialkan untuk menampakkan daya kreativiti dengan menghasilkan pelbagai rekaan supaya dapat diterima dalam kalangan masyarakat.

Pensyarah Kanan Jabatan Rekabentuk Dan Teknologi Kreatif, Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK, YBhg. Prof. Madya Mohamad Najib bin H.Md. Nor, penggunaan batik sarung mampu dikomersilkan ke dalam pelbagai bentuk produk seperti cendera mata, hiasan dalaman seperti kusyen dan hamparan meja di rumah, hotel dan restoran.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Batik Sarung yang bertemakan Warisan Kini dan Selamanya, yang dirasmikan oleh Yang Dipertua Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA) Kebangsaan, YBhg. Puan Sri Dato' Rohani binti Abdullah, di Muzium Tekstil, Kuala Lumpur, pada 23 Disember 2014.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Ong Hong Peng, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia, YBhg. Dato' Ibrahim bin Ismail, Pengarah Muzium Tekstil Negara, YBhg. Pn. Hadijah binti Mohd Yunus dan Aktivist Seni, Y.M. Datin Paduka Raja Fuziah binti Raja Tun Uda.

Pameran Batik Sarung adalah kerjasama strategik Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Tekstil Negara dan UMK dalam menyemarakkan dan mengangkat kedudukan batik sarung sebagai suatu khazanah warisan budaya negara.

Menurut Prof. Madya Mohamad Najib, kerjasama ini bermula selepas tercetus idea beliau dengan YM Datin Paduka Raja Fuziah sejak setahun lalu dengan sasaran untuk mengutip dan mengumpul koleksi batik sarung Kelantan dan Terengganu daripada pengusaha-pengusaha pembuatan batik yang bermula sejak tahun 1911.

Jelas beliau, Kelantan sememangnya terkenal sebagai pusat pembuatan batik yang telah memberi impak besar kepada ekonomi Malaysia khususnya di negeri Kelantan.

“Saya ambil masa setahun untuk mengumpul bahan dan batik sarung daripada pengusaha-pengusaha batik yang masih ada dan yang telah menutup operasi kerana tidak dapat menyaingi persaingan industri batik yang semakin berkembang.

“Selain aktiviti mengumpul koleksi batik dan blok-blok batik cetak, saya juga turut menghasilkan 40 koleksi pakaian batik yang berkonsepkan teknologi Melayu pola geometrik dengan rekacorak Islamik dan Arab untuk diperagakan pada persembahan fesyen sempena Pameran Batik Sarung ini,” jelas beliau.

Sementara itu, Puan Sri Dato' Rohani berkata, penggunaan batik sarung dikalangan masyarakat kita suatu ketika dahulu sangat meluas sama ada sebagai pakaian harian iaitu batik basahan, pemakaian dalam upacara dan di majlis tertentu.

Muzium Tekstil Negara akan mengadakan Pameran Batik Sarung Warisan Kini dan Selamanya mulai 22 Disember hingga 30 Mac 2015 bertempat di Muzium Tekstil Negara, Kuala Lumpur.



PELAJAR UMK DICABAR BUKA BISNES APLIKASI TELEFON MUDAH ALIH

Mahasiswa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) disaran untuk mencuba menceburi bidang perniagaan aplikasi telefon pintar mudah alih kerana industri ini bukan sahaja boleh menjana pendapatan sehingga lima angka tetapi mempunyai masa depan yang cerah malah memberikan pulangan lumayan.

Pengarah Urusan TH Heavy Engineering Berhad, YBhg. Dr. Samad Solbai, berkata siapa sangka dengan membangunkan aplikasi telefon itu boleh menjana pendapatan dan industri kreatif itu mempunyai pertumbuhan yang memberangsangkan.

Beliau berkata, dengan adanya trend seperti hari ini pengguna telefon mudah alih produktif dalam mencari aplikasi terkini.

“Melihat perkembangan ini, saya percaya pelajar UMK boleh mula memberi tumpuan untuk membangunkan industri aplikasi mudah alih kerana ini adalah trend industri terkini. Malah, bisnes ini juga paling mudah bidang yang melibatkan internet dan modal yang kecil.

“Contohnya ialah membangunkan aplikasi untuk membantu peniaga goreng pisang, mungkin pelajar boleh bangun aplikasi ini untuk kegunaan kawasan dalam kampus UMK sahaja dan masyarakat setempat,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Program Syarahan Industri bertajuk The Role

of Knowledge in Industry, di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 16 Oktober 2014.

Menurut Dr. Somad Solbai, contoh paling mudah ialah untuk memasarkan goreng pisang pelajar boleh buat aplikasi di telefon yang boleh di muat turun dengan mudah serta tidak melibatkan kos mahal.

“Kita boleh ambil gambar dan muat naik untuk promosikan pada aplikasi melalui rangkaian media sosial yang boleh dibuat dalam satu kumpulan rangkaian pelajar dan staf UMK,” jelas beliau.

Dalam pada itu, Dr. Somad Solbai, berkata, sebagai mahasiswa yang belajar di universiti perkara utama ialah kita perlu tahu cara berfikir kerana bidang yang kita pelajari boleh diterapkan dalam bidang yang lain kerana perkara yang penting ialah perlu tahu soalan yang dikemukakan.

Tambah beliau, tetapi kita boleh beri jawapan yang berbeza-beza kerana ia bergantung kepada keadaan dan apa yang perlu dikuasai mahasiswa adalah kemampuan berfikir secara sistematik dan di luar kotak.

“Daripada jawapan itu kemungkinan kita dapat idea baru lebih besar maka disitulah timbul kreativiti dan inovasi,” katanya.



INTERNATIONAL SEMINAR ON ENTREPRENEURSHIP AND BUSINESS

“Kreativiti juga adalah keupayaan untuk membawa kepada kewujudan sesuatu yang baharu namun keupayaan kreativiti tidak wujud tanpa keupayaan untuk menjana idea-idea baharu tanpa menggabungkan atau menukar sebarang idea-idea yang sedia ada.

“Manakala inovasi pula ditakrifkan sebagai menambah sesuatu proses yang baharu kepada produk yang sedia ada dengan membuat penambahbaikan yang sedia ada. Semua inovasi bermula dengan idea-idea kreatif kerana kreativiti adalah titik permulaan bagi inovasi yang wujud hasil daripada inspirasi kreatif.”



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) perlu merangsang pendidikan keusahawanan di kalangan pelajarinya melalui pemikiran kreatif dan inovatif untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja berjaya sebagai usahawan malah cemerlang dalam kerjaya mereka sama ada berkerja dalam industri, kerajaan atau swasta .

Pengerusi NadiCorp Sdn Bhd, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Mohd Nadzmi bin Salleh, berkata, ciri-ciri seperti inovasi dan kreativiti mesti dipupuk daripada usia muda dan harus menjadi sebahagian daripada pendedahan terhadap budaya keusahawanan untuk mewujudkan masyarakat yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Beliau berkata, kreativiti ditakrifkan dalam pelbagai definisi antaranya adalah keupayaan pemikiran untuk menghasilkan suatu idea baharu atau membawa kepada satu penyelesaian baharu kepada masalah dan penemuan kaedah menghasilkan sesuatu produk baharu.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapnama bertajuk Innovation and Creativity in Entrepreneurship for ASEAN Development sempena 3rd International Seminar On Entrepreneurship and Business (ISEB) 2014, di sebuah hotel di Kota Bharu, Kelantan, pada 14 Disember 2014.

Program ISEB 2014 telah disempurnakan perasmianya oleh Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi. Turut hadir, Dekan Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan, YBhg. Prof. Dr. Mohd Rosli bin Mohamad dan Pengarah ISEB 2014, YBhg. Prof. Dr. Mohd Rafi bin Yaacob.

Pada majlis itu, seramai 100 peserta dari dalam dan luar negara termasuk wakil dari lebih 10 buah universiti awam di Indonesia, Filipina dan untuk sesi pembentangan 100 kertas kerja untuk berkongsi pelbagai kepakaran dalam bidang keusahawanan dan perniagaan di peringkat antarabangsa.

Menurut Tan Sri Dato' Sri Mohd Nadzmi, usahawan bukan sahaja sekadar menguruskan sesebuah syarikat perniagaan contohnya restoran atau butik, malah keusahawanan juga lebih daripada memulakan perniagaan baru.

Jelas beliau, konsep keusahawanan itu bermula dengan proses di mana individu itu sedar peluang-peluang yang wujud untuk memperkasakan diri, membangunkan idea-idea dan bertanggungjawab menguruskannya.

“Dalam aspek keusahawanan, perkara yang paling penting adalah untuk mewujudkan kekayaan dan menyediakan ekosistem perniagaan yang mampan melalui idea-idea kreatif dan strategi. Contohnya apabila saya mengambil tanggungjawab mengetuai Edaran Otomobil Nasional (EON), saya menyedari bahawa sebagai sebuah syarikat jualan, ia perlu disuntik dengan usaha dan budaya menang.

BENCANA BANJIR

“ Bagi menjamin keselamatan semua warga UMK terutamanya pelajar, peperiksaan akhir yang akan bermula pada 28 Disember 2014 telah ditangguhkan sehingga 31 Disember 2014.”

SITUASI banjir yang melanda beberapa jajahan di Kelantan turut mengakibatkan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Kota, Pengkalan Chepa, turut dinaiki air hampir sedalam 0.6 meter berikutan hujan lebat dan keadaan cuaca yang buruk di negeri ini.

Tinjauan di sekitar kawasan UMK Kampus Kota mendapati kawasan paling terjejas teruk ialah di bangunan utama kampus dan kediaman pelajar.

Pengarah Pusat Hal Ehwal Korporat, UMK, YBhg. Prof. Madya Dr. Mokhtarrudin bin Ahmad, berkata, kedudukan UMK Kampus Kota yang terletak di kawasan rendah menyebabkan kawasan ini mudah banjir dan dinaiki air setiap kali hujan lebat.

Beliau berkata, namun begitu sebagai persiapan menghadapi banjir, pihak UMK telah bersiap sedia dengan memindahkan barang-barang penting dan memastikan keselamatan semua warganya terpelihara.

Jelas beliau, berikutan keadaan cuaca semakin buruk dan situasi air yang semakin naik pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar telah mengambil langkah proaktif dengan memindahkan pelajar ke tempat selamat.

“Dalam pada itu, Jabatan Hal Ehwal Pelajar juga telah menyediakan sumber bekalan makanannya untuk pelajar khususnya mereka yang mendiami asrama di UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa,” katanya selepas meninjau keadaan banjir yang berlaku di sekitar UMK Kampus Kota.

Menurut Prof. Madya Dr. Mokhtarrudin, sebagai langkah keselamatan, JPIP dan Bahagian Keselamatan juga telah bersedia sepanjang waktu untuk menghadapi ancaman sekiranya banjir berterusan.

Manakala, bagi menjamin keselamatan semua warga UMK terutamanya pelajar, peperiksaan akhir yang akan bermula pada 28 Disember 2014 telah ditangguhkan sehingga 31 Disember 2014.

Bahagian Keselamatan, Pejabat Pendaftar, memaklumkan bahawa, keadaan banjir semasa di UMK Kampus Kota sehingga jam 4.00 petang mencatatkan paras air 0.6 meter.

Paras air di jalan luar untuk masuk ke pintu utama kampus tidak boleh dimasuki oleh semua jenis kenderaan. Anggota Keselamatan dan dibantu oleh staf PTj lain yang terbabit dalam operasi banjir sedang melaksanakan permantauan dan memindahkan harta universiti ditempat yang sepatutnya.





Projek Nasional Anak Pisang

Strategi Serampang Dua Mata

UNIVERSITI
M a l a y s i a
Kelantan (UMK)
berhasrat menjadikan

Jeli sebagai Wilayah Tanaman Pisang Nasional (National Banana Regional) selepas hasil kejayaan penyelidikan bertaraf dunia melalui kajian pembiakbakaan anak benih pokok pisang yang berkualiti dan berkomersil tinggi untuk pasaran eksport.

Justeru itu, para kumpulan penyelidik UMK kini sedang giat menerokai teknologi baharu melalui teknologi Corm Nursery Technique For Mass Propagation of Banana Seedlings oleh pensyarah Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), UMK, YBr. Dr. Suhaimi bin Othman dan En. Ahmad Yusuf bin Ahmad.

Kaedah berteknologi tinggi itu turut mendapat pengiktirafan di peringkat nasional dengan berjaya meraih pingat emas dalam BioInnovation Awards 2014 sempena Pharma+Bio Manufacturing 2014 dan Biotechnology Asia 2014, baru-baru ini.

Menurut Dr. Suhaimi, beliau telah berjaya menghasilkan teknik semaian umbisi iaitu satu kaedah yang berkos rendah untuk membantu petani atau pengusaha pisang yang berskala kecil.

Beliau berkata, kaedah ini mampu menghasilkan baka tanaman pisang mereka sendiri dan tidak perlu khawatir untuk membeli anak benih pisang yang berkualiti tinggi dengan kos yang paling rendah berbanding teknik tisu kultur yang membabitkan kos yang mahal.

“Selain itu, pada masa yang sama teknik ini juga boleh menjana pendapatan sampingan dengan menjual anak benih pisang selain penanaman pisang secara ladang. Jelasnya, melalui teknologi ini juga pengeluaran anak pokok pisang lebih tinggi berbanding dengan kaedah konvensional yang hanya boleh membiak

melalui sulurnya dengan menghasilkan satu anak pisang dalam satu-satu masa.

Beliau berkata, penyelidikan dan pengeluaran anak pisang melalui kaedah pembiakan anak benih pisang melalui umbisi (Corm Technique) ini telah dimulakan oleh UMK sejak tahun 2012.

“Pada awalnya, projek ini dimulakan sebagai penyelidikan lapangan dan kemudiannya kajiannya diteruskan melalui projek perintis dengan geran penyelidikan Knowledge Transfer Programme (KTP), Kementerian Pendidikan Malaysia,” katanya.

Kemudian, projek ini diteruskan melalui kerjasama dengan usahawan tanaman pisang di Ayer Lanas, Jeli, dan pada projek perintisnya telah berjaya menghasilkan 30,000 anak benih pisang ditanah seluas enam ekar.

“Projek ini telah terbukti berkesan dan pihak UMK dengan kerjasama usahawan tersebut telah menerima tempahan tambahan untuk membekal sebanyak 10,000 anak pokok pisang bagi projek tanaman pisang oleh Jabatan Pertanian Negeri Kelantan.

“Melalui penemuan itu, kaedah ini mampu membantu petani tempatan khususnya di daerah Jeli untuk mengusahakan tanaman pisang secara komersil dengan menembusi pasaran Jepun, Korea Selatan, UK dan negara-negara Timur Tengah,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian anugerah tersebut di BioTechnology Asia 2014 yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), Kuala Lumpur, bermula 19 hingga 21 November 2014.

Selain itu, UMK turut meraih Anugerah Khas iaitu Most Informative Booth hasil gabungan konsep dan idea oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMK.

Dua produk yang memenangi pingat perak ialah produk penyelidikan Timbalan Dekan Fakulti Sains Bumi (FSB), YBhg. Prof. Madya Dr. Aweng A/L Eh Rak dengan produk Instant Herbal Rice dan produk Anti -Ox Night Blooming Lips oleh Pensyarah FIAT, Pn. Nik Nur Azwanida binti Zakaria.

22 Juta Geran Penyelidikan Berimpak Tinggi



Kolokium penyelidikan 2014 itu dapat membuka ruang dan peluang yang luas kepada warga akademik untuk berinteraksi dan berkongsi pandangan dalam bidang penyelidikan untuk menghasilkan produk yang lebih relevan dan mengupayakan masyarakat.



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) telah memperuntukkan sejumlah RM22 juta bagi pembiayaan dana penyelidikan sejak tahun 2013 untuk menjalankan kajian penemuan dan penyelidikan berimpak tinggi dengan menghasilkan produk/teknologi yang boleh dikomersilkan di peringkat negara dan antarabangsa.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, pembiayaan geran ini merupakan inisiatif daripada

pihak universiti dan pihak kerajaan untuk menggalakkan bagi memenuhi keperluan para penyelidik untuk menghasilkan kajian serta penerbitan di dalam jurnal yang berimpak tinggi dan boleh dikomersilkan.

Beliau berkata, pihak universiti telah meluluskan RM22 juta untuk membiayai 89 projek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan oleh 66 orang penyelidik UMK bagi tempoh 2008 hingga 2013.



“Hasil penyelidikan yang ada pada masa ini telah berjaya membawa universiti ini ke tahap lebih membanggakan dan telah menampilkan hasil yang baik kerana melalui penyelidikan yang dilakukan menunjukkan petanda universiti ke arah kualiti pengajaran,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Kolokium Penyelidikan UMK 2014 yang bertemakan Pembudayaan Penyelidikan ke Arah Mensejahterakan Masyarakat dan Negara di Hotel Grand Riverview, Kota Bharu, Kelantan, pada 22 Disember 2014.

“Penyelidikan ini telah memberi sumbangan besar kepada masyarakat dan negara, namun UMK masih belum berpuas hati dan berhasrat setiap pensyarah perlu meletakkan sasaran supaya setiap seorang ada satu penerbitan kajian penyelidikan,” katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Harun berkata, kolokium penyelidikan 2014 itu dapat membuka ruang dan peluang yang luas kepada warga akademik untuk berinteraksi dan berkongsi pandangan dalam bidang penyelidikan untuk menghasilkan produk yang lebih relevan dan mengupayakan masyarakat.

Jelas beliau, melalui platform ini dapat merangsang percambahan idea dan minda pensyarah dan pensyarah muda untuk menginspirasi idea baharu melalui usaha penyelidikan dan inovasi yang boleh dimanfaatkan oleh mereka.

“Pada kolokium ini seramai 66 penyelidik akan membentangkan 35 pembentangan lisan dan 18 poster dalam bidang sains dan 29 pembentangan lisan serta tujuh poster dalam bidang sosial yang sedang dalam kajian penyelidikan dan sudah tamat penyelidikan dalam bidang masing-masing,” ujar beliau lagi.

Prof. Dr. Mohamad Kamal berkata, kolokium ini bukan sahaja dapat menghasilkan impak kajian dan penyelidikan yang positif malah menjurus kepada pembudayaan penyelidikan cemerlang di kalangan pensyarah-pensyarah muda.

Tambah beliau, melalui kolokium ini dapat menerapkan impak positif dan menyemai semangat pembudayaan terhadap kemajuan penyelidikan dan inovasi kepada para pensyarah muda untuk melihat kajian yang dapat memberi inspirasi baharu kepada mereka.

Tuah Tarian Zapin Ghalit **LE' WARIS** RAIH TEMPAT PERTAMA



PERSEMBAHAN istimewa Tarian Zapin Ghalit oleh Kumpulan Le' Waris, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) berjaya dinobatkan sebagai johan bagi kategori Tarian Tradisional pada Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri Kelantan 2014, bertempat di Auditorium Kompleks Kebudayaan Negeri, Kota Bharu, Kelantan, pada 5 November 2014.

Geraktari yang penuh dramatik berjaya memukau para juri dan penonton itu membawa tuah kepada kumpulan Le' Waris dan berjaya memenangi hadiah berupa wang tunai RM1,000 dan sijil penghargaan disamping memenangi Anugerah Busana dan Tatarias Terbaik.

Hadiah telah disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Paloh, YB. Datuk Nozula Bin Mat Diah serta diiringi oleh Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan, (JKKN), YBrs. Tuan Haji Che Kassim bin Mahmud.

Menurut Pegawai Kebudayaan, Bahagian Kebudayaan, Pusat Ko-Kurikulum, En. Wan Mohd Arizuddin bin Wan Mohd Nor, tarian zapin ghalit itu amat istimewa kerana tarian zapin ini berbeza dengan tarian zapin-zapin lain kerana gerakannya banyak menunggu muzik.

Jelasnya, tarian zapin ini berasal dari negeri Kedah dan muzik untuk tarian ini berasaskan muzik Arab dan kebiasaannya tarian ini ditarikan oleh lelaki dan perempuan.

Beliau berkata, tarian menerusi gerak lelaki itu lebih menampakkan kegagahan manakala gerak perempuan mencerminkan kesopanan dan kesantunan seorang perempuan. Pertandingan itu, sebanyak tujuh kumpulan dari seluruh Kelantan telah menyertai pertandingan ini sempena Festival Tari Malaysia Peringkat Negeri Kelantan.

Kempen Kesedaran **Perangi Aedes**



PELAJAR Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak boleh hanya fokus untuk mendapatkan kecemerlangan dalam bidang akademik demi segulung ijazah sahaja tetapi mereka juga sewajarnya turut terlibat dengan program berbentuk komuniti dan kemasyarakatan.

Pemangku Ketua Bahagian UMNO Bachok, YBhg. Dato' Dr. Ilias bin Hussin, berkata, program kemasyarakatan mampu memupuk semangat toleransi dan kerjasama di antara mahasiswa dengan masyarakat setempat untuk menjalin hubungan lebih erat antara satu sama lain.

Justeru itu, program gotong-royong membasmi denggi ini adalah bertujuan untuk memupuk hubungan silaturahim mesra antara masyarakat kampung dengan mahasiswa untuk mengenali budaya dan adat resam masyarakat setempat.

"Memang wajar pelajar bersama dengan komuniti dan masyarakat yang mengambil bahagian untuk

berkhidmat bersama khususnya untuk memerangi denggi iaitu gejala yang sangat serius dan berbahaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan perasmian program Perangi Aedes Basmi Denggi UMK Kampus Bachok dan Program Explorace Kawal Denggi Peringkat Parlimen Bachok Bersama Masyarakat Setempat di perkarangan Kolej Kediaman Taman Bator Harmoni, Bachok, Kelantan, pada 6 November 2014.

Menurut Dato' Dr. Ilias, usaha membasmi wabak ini tidak boleh diletakkan pada bahu agensi kesihatan dan pemimpin masyarakat sahaja tetapi perlu ada kerjasama daripada pihak-pihak lain serta penduduk setempat.

Jelas beliau, telah banyak berlaku perubahan ketara dalam sektor ekonomi penduduk Bachok dengan kewujudan UMK yang mula beroperasi sejak 2007 khususnya perubahan besar kepada ekonomi dan sosial.



Mahasiswa Perlu Jadi Agen Perubahan Masyarakat

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, menyarankan pihak universiti membuat perubahan dalam program khidmat masyarakat dengan kaedah-kaedah yang lebih berkesan terutamanya dalam peningkatan ekonomi mereka.

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB. Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, menyarankan pihak universiti membuat perubahan dalam program khidmat masyarakat dengan kaedah-kaedah yang lebih berkesan terutamanya dalam peningkatan ekonomi mereka.

Beliau berkata, sewajarnya program ini diterapkan dengan aktiviti-aktiviti yang membolehkan penduduk kampung mendapat pendapatan yang lebih tinggi terutamanya di kawasan Jeli dimana pelajar boleh mencari kaedah bagaimana untuk meningkatkan ekonomi mereka yang terlibat dalam sektor pertanian.

Katanya, selain itu pelajar juga dapat mengatur program atau aktiviti untuk membantu masyarakat setempat yang terlibat dalam sektor peruncitan untuk membolehkan mereka menguruskan perniagaan dengan lebih baik.

"Kita mahu pihak universiti melakukan perubahan pada program bakti siswa ini bukan hanya sekadar program keluarga angkat, gotong-royong dan kenduri makan sahaja tetapi program ini perlu sampai kepada satu tahap yang dapat meningkatkan hasil pertanian dan perniagaan mereka," jelas beliau yang juga Menteri Mentor UMK.

Beliau berkata demikian pada Sesi Ramah Mesra Menteri Mentor Bersama Pelajar UMK, yang dihadiri lebih 100 pelajar yang mewakili 31 kelab dan persatuan pelajar, di Laman Siswa, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 2 November 2014.

Turut hadir, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak, Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), YBhg. Prof. Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Pendaftar Kanan Pejabat HEP, YBrs. En. Pauzi bin Pak Chu dan Presiden HIMSAK, YBhg. Dato Mohd Faizal bin Daud.

Dalam pada itu, Dato' Sri Mustapa turut berkongsi pengalaman penubuhan UMK Kampus Kota di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa, yang telah menyumbang kepada perubahan besar kepada sektor ekonomi masyarakat setempat selepas beroperasi pada tahun 2007.

UMK merupakan institut pengajian tinggi awam yang ke-19 ditubuhkan di Malaysia dan terletak di kampus sementara di Taman Bendahara, Pengkalan Chepa dengan pendaftaran pelajar sulung seramai 295 orang.





Majalah Teraju Menang Tempat Kedua Hadiah Suar Bahasa DBP

Buletin TERAJU UMK diwakili oleh Pegawai Penerbitan UMK, Tuan Zulkepli bin Tuan Yeh, menerima hadiah berupa wang tunai, piala iringan dan sijil penghargaan yang disampaikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YB. Dato' Haji Faudzi bin Haji Che Mamat.

YB Dato'Hj. Faudzi juga merakamkan tahniah kepada semua staf yang terlibat atas komitmen, usaha dan kejayaan mereka menghasilkan buletin yang banyak memberi manfaat kepada warga UMK dan masyarakat.

MAJALAH rasmi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) iaitu buletin TERAJU mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan apabila memenangi tempat kedua dalam pertandingan Kategori Bahasa Hadiah Suar Bahasa 2014 Peringkat Wilayah Timur. Anugerah ini diterima pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan 2014, Peringkat Negeri Kelantan, pada 15 Oktober 2014.

Buletin Teraju yang diterbitkan oleh Unit Penerbitan, Pusat Hal Ehwal Korporat (PHEK), dinilai berdasarkan kepada kriteria pertandingan iaitu untuk penggunaan bahasa (yakni Bahasa Melayu baku) yang digunakan dalam seluruh buletin berkenaan merangkumi aspek ejaan, tatabahasa, tanda baca dan seumpamanya.

Menurut Tuan Zulkepli, kejayaan ini sebagai pengiktirafan kepada Buletin TERAJU selain menekankan ciri-ciri penulisan yang bermutu dan mementingkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam penerbitan.



Objektif Pertandingan Hadiah Suar Bahasa 2014 adalah untuk memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada jabatan atau agensi di sektor kerajaan dan swasta yang mementingkan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul dalam penerbitan buletin jabatan awam.

Prof. Dr. Zulkarnain Diraikan Sempena Majlis Persaraan Pilihan

TIMBALAN Dekan Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGESB), YBhg. Prof. Dr. Zulkarnain bin Muhammad Sori, telah diraikan dalam satu majlis persaraan ringkas dan santai, di Bilik Mesyuarat Maybank, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa Kelantan pada 16 Oktober 2014.


Majlis itu diraikan sempena persaraan pilihan beliau selepas menamatkan kontrak perkhidmatannya di UMK berkuatkuasa pada 24 Oktober 2014.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abd. Aziz bin Ab. Latif, beliau mula berkhidmat di sektor awam

pada 13 Julai 2000 di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan telah menyumbang bakti selama dua tahun di UMK bermula pada 19 Mac 2012.

Beliau berkata, dengan persaraan beliau itu UMK telah kehilangan sebutir permata bernilai namun pihak pengurusan universiti perlu menghormati keputusan persaraan pilihan beliau ekoran masalah kesihatan yang memaksa beliau untuk memilih bersara lebih awal.

"Prof. Dr. Zulkarnain merupakan seorang yang berani dalam menyatakan pendapat untuk kebaikan universiti serta berbakat dan kreatif namun keputusan beliau untuk bersara lebih awal adalah di luar kemampuan kita tetapi saya



yakin kita masih lagi boleh berhubung secara peribadi mahupun berkaitan dengan tugas," katanya.

Sementara itu, Prof. Dr. Zulkarnain berkata, kehadiran ke UMK telah membuka matanya dan keluar dari zon selesa semasa di UPM kerana beliau telah dipertanggungjawabkan oleh mantan Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose untuk membawa sesuatu perubahan di UMK.

"Alhamdulillah, dalam tempoh dua tahun itu tanggungjawab yang diberikan oleh Naib Canselor UMK, satu penambahbaikan telah dilakukan dengan tertubuhnya satu program baharu iaitu Master of Business Administration (MBA) dan saya yakin program ini akan terus berjaya dan maju setelah diteliti secara terperinci dengan penambahan pelajar dari setiap semester," katanya.



UMK Kampus Jeli Garis 12 Pelan Pembangunan Transformasi Strategik 2012-2020



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli, menggariskan 12 teras strategik utama dalam usaha menggerakkan agenda transformasi pembangunan bagi melonjakkan lagi jenama kampus itu kepada satu tahap yang lebih membanggakan.

Pengarah UMK Kampus Jeli, YBhg. Prof. Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar, berkata, Pelan Strategik itu adalah inisiatif yang terkandung dalam Pembangunan dan Perancangan Strategik UMK Kampus Jeli 2012 – 2020.

Sebanyak 12 teras strategik telah dirancang khusus bagi meningkatkan penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, kemudahan infrastruktur, mempergiatkan penerbitan buku dan jurnal penyelidikan, membudayakan pendidikan keusahawanan, relevan kepada masyarakat dan penjana pendapatan.

“Melalui strategi itu, aspek penjenamaan semula UMK Kampus Jeli akan menjadi

Sebanyak 12 teras strategik telah dirancang khusus bagi meningkatkan penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, kemudahan infrastruktur, mempergiatkan penerbitan buku dan jurnal penyelidikan, membudayakan pendidikan keusahawanan, relevan kepada masyarakat dan penjana pendapatan.



keutamaan pada tahun 2015 bagi memperkukuhkan pembangunan infrastruktur serta mempergiatkan lagi aktiviti pendidikan keusahawanan kepada warga UMK Kampus Jeli dan masyarakat serta pembangunan wilayah di kawasan tersebut, katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat ringkas sempena Majlis Pelancaran Buku dan Anugerah Kecemerlangan Staf UMK Kampus

Jeli yang telah disempurnakan oleh Pegawai Khas kepada YB. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) merangkap Ahli Parlimen Jeli, YBrs. En. Zahari bin Kechik, di UMK Kampus Jeli, pada 11 Januari 2015.

Turut hadir, Dekan Fakulti Sains Bumi (FSB), YBhg. Prof. Dr. Razak bin Wahab, Timbalan Dekan Fakulti Industri Asas Tani (FIAT), Dr. Fatimah Changgok @ Kayat dan Ketua Jabatan Jeli, pensyarah dan staf UMK Kampus Jeli.

Menurut Prof. Dato' Dr. Ibrahim, bagi merealisasikan agenda itu, UMK Kampus Jeli juga telah berhasrat menjadikan parlimen Jeli sebagai Hub Tanaman Pisang Nasional.

Jelas beliau, melalui industri pisang ini secara tidak langsung dapat merancakkan lagi aktiviti keusahawanan kerana tanaman pisang bakal menjadi salah satu industri penting melalui kejayaan penyelidikan pembiakan anak benih pokok pisang yang berkualiti dan berkomersil tinggi untuk pasaran eksport.

“Bagi saya, kepentingan kampus Jeli menggunakan kekuatan ilmu dan penyelidikan adalah bermatlamat untuk membangunkan Negara dan kesejahteraan masyarakat di kawasan Jeli,” katanya.



Siri Wacana Sulalatus Salatin

“Sulalatus Salatin yang kini telah dihasilkan berjumlah 30 versi telah terbukti keunggulannya apabila sarjana Timur dan barat terus mengkaji Sulalatus Salatin kerana mereka menganggap naskah ini sebagai permata warisan bangsa Melayu yang bermaklumat dan bermanfaat tentang persekitaran peristiwa orang Melayu.

“Sulalatus Salatin yang telah siap dikarang pada tahun 1612 Masihi telah pun menjangkau usia yang ke 400 tahun pada tahun 2012.”

Pengarah Jabatan Dasar dan Penyelidikan, Dewan Bahasa dan Pustaka, YBrs. En. Abdul Khalik Sulaiman berkata, sokongan daripada pihak agensi dan institusi seperti UMK boleh mentransformasikan bahan dan karya sastera mengikut perkembangan semasa menggunakan teknologi terkini seperti filem dan sebagainya.

Beliau berkata, contohnya bahan persuratan Melayu di dalam karya Sejarah Melayu boleh ditransformasikan mengikut perkembangan semasa yang semakin berkembang dan masih banyak perkara yang boleh diterokai.

Justeru itu, beliau juga memberitahu bahawa pihak DBP turut menggalakkan golongan profesional untuk menghasilkan karya kreatif dalam usaha memajukan bidang sastera.

“Ini kerana penghasilan karya tidak terhad kepada penulisan buku saja sebaliknya pelbagai penulisan kreatif sama ada sajak, cerpen, puisi dan novel.

“Sejak tahun 2010, DBP melaksanakan program galakan dengan menyasarkan universiti dan agensi kerajaan bagi melahirkan lebih ramai doktor, arkitek dan pegawai kerajaan menulis karya khususnya berkaitan kepakaran masing-masing,” katanya.

Turut hadir, Ketua Bahagian Penyelidikan Sastera DBP, Dr. Mohd Hanafi Ibrahim, Pensyarah Unit Jabatan Rekabentuk dan Teknologi Kreatif, FTKW, YBhg. Prof. Madya Mohamad Najib bin Md. Nor dan Ketua Program Pengajian Warisan, FTKW, Puan Anidah binti Alias.

Menurut En. Abdul Khalik, Sulalatus Salatin merupakan sumber rujukan yang penting untuk



kita meneliti dan menilai bagaimana bangsa Melayu berhadapan dengan cabaran zaman, sama ada dari segi politik, agama, ekonomi, sosial dan budaya.

Tambah beliau, daripada penelitian dan penilaian tersebut, kita dapat mempelajari masa silam bagi mendepani cabaran dalam membentuk peradaban bangsa dan negara masa kini.

Beliau berharap Siri Wacana Sulalatus Salatin ini menjadi medan wacana para sarjana, pengarang, sasterawan dan peminat bahasa serta persuratan Melayu dalam membincangkan kekayaan Sulalatus Salatin dan teks yang berkaitan.

Disamping itu, En. Abdul Khalik, berkata melalui wacana ini diharap dapat menyemarakkan khazanah warisan kita, seterusnya merangka strategi untuk menyemarakkan kegemilangan manuskrip manuskrip Melayu yang masih banyak tersimpan di serata dunia.

Sementara itu, Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Abdul Latif, dalam kajiannya yang dijalankan beliau membuktikan bahawa karya Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu) mempunyai kekuatan sebagai sebuah karya agung penting yang sangat tinggi nilainya dalam mewarisi peradaban Melayu.



DATO' DR. AWANG ADEK Kongsi Inspirasi Kejayaan Dengan UMK



"Saya orang miskin bapa jadi nelayan dan ibu buat keropok serta ikan kering untuk menyara kehidupan kami sekeluarga. Kakak saya pernah terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja semata-mata bagi membolehkan saya bersekolah.

"Masih terbayang pada ketika itu, kakak saya menangis kerana terpaksa berhenti sekolah kerana keluarga tiada duit untuk hantar kakak saya kerana untuk ke sekolah menengah terpaksa naik bas setiap hari. Melihat kesusahan itu saya lebih bersemangat untuk belajar demi membantu keluarga,"katanya.

Turut hadir, Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Mohd Saufi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), YBhg. Prof. Abdul Aziz bin Ab. Latif dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Harun.

TYT Dato' Dr. Awang Adek dilahirkan di Bachok, Kelantan, dengan mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Perupok, Bachok Kelantan sebelum melanjutkan ke peringkat menengah di Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh, Perak.

Beliau kemudian menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda ke Drew University, New Jersey, Amerika Syarikat dan terus melanjutkan pengajian bagi peringkat sarjana dan doktor falsafah di Wharton School, University of Pennsylvania Philadelphia.

Dalam pada itu, TYT Dato' Dr. Awang Adek, menasihati supaya pelajar berusaha mendapat kelulusan cemerlang dengan memperolehi CGPA 3.00 ke atas supaya dengan keputusan cemerlang mereka dapat bersaing dalam pasaran kerja pada hari ini.

"Dalam dunia teknologi hari ini tiada alasan untuk tidak mahu belajar kerana untuk mendapatkan maklumat atau pengetahuan baharu boleh dapat daripada internet kerana pada zaman ini dunia serba pantas.

Pada masa saya belajar tiada internet dan untuk mendapatkan maklumat atau pengetahuan hanya daripada buku di perpustakaan sahaja," jelas beliau.



DUTA Besar Malaysia di Amerika Syarikat, TYT Dato' Dr. Awang Adek bin Hussein, menasihati para penuntut Universiti Malaysia Kelantan (UMK) supaya m belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat kecemerlangan demi membalas jasa baik keluarga.

Beliau yang juga mantan Ahli Lembaga Pengarah Universiti, menasihati para pelajar supaya memanfaatkan masa mereka di universiti dengan belajar bersungguh-sungguh dengan tidak membabitkan diri dengan perkara negatif yang boleh mengganggu dan menjejaskan pengajian mereka di universiti.

Beliau berkata, faktor kemiskinan bukan alasan untuk tidak mahu belajar kerana beliau juga dilahirkan dalam keluarga susah dan miskin tetapi berjaya dalam pendidikan sehingga dapat melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah doktor falsafah (Phd) di luar negara.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pada Majlis Perjumpaan Bersama lebih 300 pelajar UMK, Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, Kelantan, pada 2 Disember 2014.





Universiti Malaysia
KELANTAN

REGISTER WITH US AND GET OFFERED
AS A MEMBER OF

UMK EXECUTIVE LOUNGE CLUB

Come to the best executive lounge in Kota Bharu Airport. Where you can enjoy great and Unique Kelantanese Malay dishes and feel the atmosphere decor featuring;

"The Kelantan Authentic Heritage"

50% OFF

Relevant * Unique * Different

Tel : +609 771 7010 / 7011 Fax : +609 771 7022

BEST PRICE

~~normal price RM30/ENTRY~~

RM15⁰⁰



Find us
Departure Hall,
Sultan Ismail Petra Airport,
Pengkalan Chepa, 16100
Kota Bharu Kelantan Darul Naim,
Malaysia

UMK Executive Lounge offers a quiet and comfortable place to escape from the crowds of the busy departure hall. Whether you are travelling for business or pleasure, our luxury lounges programme will have everything you need to relax before your next trip. Some benefits of airport lounges are outlined below.

- * Space, comfort and quiet to catch up on work,
- * Wi-Fi
- * Entertainment Facilities
- * Complimentary drinks and snacks
- * You can take a quest in to a lounge with you
- * Get 20% for any items sell in the lounge
- * Meet and greet package the service